

27 FEB 2001

Najib-Pas

NAJIB HARAP PAS UBAH SIKAP, CEPATKAN PERTEMUAN

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau berharap pemimpin Pas akan mengubah sikap dan bersetuju mengadakan pertemuan Umno-Pas dengan seberapa segera.

"Kita tak payah tentukan masa pertemuan itu mesti berlaku...sebab (saya) nampak keadaan agak sukar (mengadakan pertemuan) pada masa yang singkat ini," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ucapan khas mengenai "Mempertahankan Kedaulatan Negara dalam Dunia Globalisasi" di majlis jamuan makan tengah hari sempena Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi di sini.

Katanya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunjukkan sikap terbuka dalam hal ini dan ingin supaya pertemuan itu diteruskan.

"Adalah wajar jika pemimpin Pas mengubah sikap mereka (mengenai pertemuan itu) dan mengemukakan segala tuntutan dan permintaan semasa pertemuan diadakan," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa perpaduan rakyat perlu mantap dalam menjamin keselamatan negara.

"Orang luar dan musuh kita akan melihat sejauh mana rakyat sanggup pertahankan negara. Kalau kita berbalah, itu menunjukkan pertahanan negara kita lemah dan rapuh dan ini akan bawa kesan kepada keselamatan negara," kata Najib yang juga Menteri Pertahanan.

Beliau turut diminta mengulas mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini bahawa Badan Pencegah Rasuah boleh menyiasat mana-mana bahagian atau cawangan Umno yang mengamalkan politik wang dalam urusan pemilihan peringkat bahagian.

"Seboleh-bolehnya kita tak mahu BPR masuk sebab kita ada kemampuan mengawal politik wang melalui sistem dalam Umno seperti Lembaga Disiplin yang baru ditubuhkan.

"Jika politik wang itu berlaku amat dahsyat dan ada kaitan dengan penyelewengan dalam kerajaan, BPR mungkin boleh masuk," katanya.

-- BERNAMA

NZ AU MAI